

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK RAZALI BIN IDRIS**

**TARIKH : 29 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 116:**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah proaktif Kerajaan melatih golongan muda berkemahiran dalam teknologi rel khususnya di Pahang, Terengganu dan Kelantan supaya mampu menguruskan dan mengendalikan ECRL semasa dan selepas pembinaan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sejajar dengan keputusan Kerajaan untuk meneruskan perlaksanaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) pada 12 April 2019, pihak Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) – anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan, telah merunding semula perlaksanaan Program Latihan Kemahiran Industri ECRL (PLKI-ECRL) dengan pihak penaja utama program iaitu, China Communications Construction Company Ltd. (CCCC) yang juga kontraktor utama projek ECRL.
2. Program PLKI-ECRL pada asalnya menyasarkan untuk melatih sehingga 3,600 anak tempatan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja pembinaan projek ECRL di dalam pelbagai bidang kemahiran. Sehingga tarikh penangguhan projek pada 03 Julai 2018, PLKI-ECRL telah berjaya melatih seramai 447 anak tempatan yang kemudiannya diambil bekerja oleh MRL, CCCC dan sub-kontraktor CCCC.
3. Namun pihak Kerajaan kini telah mengambil kira keperluan latihan anak tempatan bagi fasa operasi ECRL yang juga memerlukan tenaga kerja yang besar bermula dari tahun 2027. Oleh yang sedemikian, pihak Kerajaan melalui MRL telah mencadangkan agar program PLKI-ECRL diteruskan perlaksanaannya semasa fasa operasi ECRL bagi menaja kos-kos latihan anak-anak tempatan bagi mengisi keperluan tenaga kerja operasi dan penyelenggaraan rangkaian keretapi ECRL yang bakal siap kelak.
4. Perlaksanaan Program PLKI-ECRL akan diteruskan dengan kerjasama CCCC sebagai penaja penuh dengan beberapa perubahan kepada struktur program. Antaranya ialah:

- i. Program PLKI-ECRL akan diteruskan selepas fasa pembinaan dan merangkumi fasa operasi ECRL selari dengan usahasama operasi antara MRL dan CCCC.
  - ii. Peningkatan jumlah pelatih yang akan menerima manfaat program penajaan daripada 3,600 kepada 5,000 orang melalui penstrukturkan semula format program.
5. Program PLKI-ECRL telah memberi perhatian yang lebih kepada penyertaan anak-anak negeri Pantai Timur dengan menjalankan *roadshow* dan sesi temuduga di negeri-negeri Pantai Timur bagi proses pengambilan pelatih. Pusat-pusat latihan program PLKI-ECRL juga dipilih di negeri-negeri Pantai Timur yang mana kampus Universiti Malaysia Pahang di Gambang, Pahang telah dijadikan salah satu pusat latihan selain Akademi Binaan Malaysia (ABM) di Kuala Berang, Terengganu, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) di Bachok, Kelantan dan IKBN di Wakaf Tapai, Terengganu.
6. Pusat-pusat latihan di Pantai Timur ini akan terus digunakan oleh program PLKI-ECRL untuk melatih anak tempatan bagi mengisi keperluan tenaga kerja pembinaan projek ECRL dan ini diharapkan akan dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada penduduk negeri Pantai Timur dalam menikmati limpahan ekonomi daripada perlaksanaan projek ECRL.

Sekian, terima kasih.